

**TATACARA
PEMERIKSAAN KESIHATAN PERSEKITARAN
BAGI SOKONGAN PENDAFTARAN/PERLESENAN PREMIS**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Terbitan 2023

**KATA-KATA ALUAN
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Assalamualaikum w.b.k.t dan Selamat Sejahtera,

Setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah keizinanNya Tatacara Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran Bagi Sokongan Pendaftaran/ Perlesenan Premis berjaya diterbitkan.

Tujuan pembangunan panduan ini merupakan satu usaha Unit Kesihatan Alam Sekitar, Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KPAS) dalam menjalankan aktiviti pemeriksaan kesihatan persekitaran dengan lebih berkesan bagi tujuan sokongan pendaftaran/ perlesenan premis yang mendapat permintaan tinggi dari agensi awam terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Penyediaan dokumen ini adalah seiring dengan kerjasama Kementerian ini di dalam **Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan** khususnya dalam aspek kesihatan persekitaran dan pencegahan penyakit yang berkait rapat dengan peranan PBT.

Oleh itu, dengan adanya tatacara ini diharapkan prosedur pemeriksaan kesihatan persekitaran di setiap peringkat pelaksanaan dapat diselaraskan sebaiknya agar sokongan pendaftaran/ perlesenan premis dapat dikeluarkan menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian ini dan diseragamkan di semua peringkat.

Akhir sekali saya ingin merakamkan sekalung tahniah dan syabas kepada semua Ahli Jawatankuasa Teknikal di atas segala usaha yang telah dilakukan dalam memastikan program ini berjalan lancar dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan.

Selamat Maju jaya.

**DR ANITA BINTI SULEIMAN
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT**

AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL
TATACARA PEMERIKSAAN KESIHATAN PERSEKITARAN PREMIS BAGI
SOKONGAN PENDAFTARAN/PERLESENAN PREMIS

Dr. Norlen Bin Mohamed
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Anis Salwa Binti Kamarudin
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Ahmad Riadz Bin Mazeli
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Nordin Bin Mohd
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Datin Dr. Nur Maziah Binti Omar
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Haidar Rizal Bin Toha
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Mohd Ridzuan Bin Janudin
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Mohd Zukri Bin Ibrahim
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr Nurmazura Binti Mustapa
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Yelmizaitun Binti Osman
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Sukhvinder Singh
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Nazirah Binti Jusoh
Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Sri Viknarajan A/I Puvendran
Pegawai Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Azzyati Binti Mohamad
Pegawai Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Asfinah Binti Mohd Sharkawi
Pegawai Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Fatin Athira Binti Tahir
Pegawai Perubatan Kesihatan Awam

Pn. Siti Norfadhilah Binti Zainal Abidin
Pegawai Kesihatan Persekitaran

En. Ismail Bin Mat Ejan
Ketua Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

En. Mohd Shazmizal Bin Mohd Mokhtar
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Pn. Siti Ruslina Binti Othman
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

En. Mohamad Zulhaffiz Bin Mahmud
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

Pn. Norhidayah Binti Aris
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

Pn. Siti Nazeha Binti Md Suri@ Masjudi
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

En. Mohd Syukri Bin Idris
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

Pn. Syahirah Binti Ismail
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

Pn. Nursyafieqa Binti Anuar
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

En. Mohamad Bin Abdul Majid
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

En. Mohd Rosmaini Bin Razali
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

Pn. Kamisah Binti A. Karim
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

En. Daniel Bin Nasir
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

Pn. Analie Anang
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

En. Ahmad Syifaa Bin Kamarudin
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

En. Mohd Yusmasaifudin Bin Yusof
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

Pn. Nur Aniza Ibrahim
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

En. Kevin Dale Ak Dolim
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

En. Mohd Rosyafiq Bin Mohamad Rosidi
Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran

Urusetia: Sektor Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

ISI KANDUNGAN

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	Pendahuluan	6
2	Objektif	6
3	Definisi	6
4	Skop	7
5	Terma & Syarat Permohonan	8
6	Undang-undang yang dirujuk	8
7	Butiran Berkaitan Pemeriksaan	9
8	Pasukan Kesihatan	10
9	Peranan dan Tanggungjawab Pasukan Kesihatan	10
10	Proses Kerja	11
11	Carta Alir Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran Premis Bagi Sokongan Pendaftaran/Perlesenan	16
12	Pelaporan & Reten	19
13	Lampiran 1: Borang Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran Bagi Sokongan Pendaftaran/ Perlesenan Premis	20
14	Lampiran 2: Senarai Semak Prosedur Pemeriksaan	29
15	Lampiran 3: Surat Sokongan	30
16	Lampiran 4: Borang Cadangan Penambahbaikan untuk Sokongan Pendaftaran/Perlesenan	31
17	Lampiran 5.1 & 5.2: Reten Ringkasan Senarai Premis yang Memohon Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran Bagi Tujuan Sokongan Pendaftaran/Perlesenan	33
18	Lampiran 6: Senarai Agensi Awam Yang Menjalankan Pemeriksaan Premis Berdasarkan Akta Agensi Sendiri	34
19	Lampiran 7: Surat Status Permohonan Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran Bagi Sokongan Pendaftaran/ Perlesenan Premis	36
20	Lampiran 8: Senarai Semak Prosedur Permohonan Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran untuk Sokongan Permohonan Pendaftaran/ Perlesenan Premis	37

1. PENDAHULUAN

Pemeriksaan kesihatan persekitaran premis adalah salah satu keperluan sokongan teknikal dalam proses pendaftaran/perlesenan premis sebelum ia dibenarkan beroperasi. Sehingga tahun 2022, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima permohonan dari 15 kategori premis yang berbeza setelah disenarai pendekkan untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan persekitaran ke atas premis berkenaan. Permohonan yang diterima ini termasuklah permohonan di luar bidang kuasa Kementerian ini (Sila rujuk **Lampiran 3**).

Oleh itu, KKM telah mengambil inisiatif untuk menyediakan tatacara ini bagi menyelaraskan prosedur pemeriksaan kesihatan persekitaran di setiap peringkat pelaksanaan agar sokongan pendaftaran/perlesenan premis dapat dikeluarkan menepati aspek-aspek kesihatan yang digariskan oleh Kementerian ini.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Memastikan premis yang diperiksa mencapai tahap kesihatan persekitaran premis yang diperlukan untuk beroperasi.
- 2.2 Mengenalpasti potensi berlakunya kejadian penyakit berjangkit di premis yang diperiksa.
- 2.3 Mengenalpasti aspek premis yang perlu ditambahbaik agar tahap kesihatan persekitaran premis mencapai tahap optima.

3. DEFINISI

3.1 Premis

“Premis” merujuk kepada definisi yang telah dinyatakan di dalam Akta atau Peraturan yang digunakan semasa proses pemeriksaan kesihatan persekitaran.

3.2 Pemeriksaan kesihatan persekitaran

Pemeriksaan yang dijalankan meliputi enam (6) aspek kesihatan persekitaran di dalam dan di luar bangunan iaitu –

- (a) lokasi;
- (b) risiko kesihatan persekitaran;
- (c) kemudahan asas bangunan;

- (d) kemudahan sanitari;
- (e) potensi kehadiran vektor dan kacau ganggu; dan
- (f) kecemasan, pertolongan cemas; dan larangan merokok.

3.3 Pegawai Pemeriksa

Pegawai pemeriksa merupakan Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP) / Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) yang bertindak mengikut arahan Pegawai Kesihatan Daerah untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan persekitaran menggunakan borang pemeriksaan yang berkaitan.

3.4 Pemohon

Merupakan agensi awam selain KKM termasuk Kementerian atau Jabatan Kerajaan (Persekutuan atau Negeri), atau Pihak Berkuasa Tempatan yang mengemukakan permohonan untuk sokongan pendaftaran atau perlesenan premis di bawah pemantauannya.

3.5 Sokongan pendaftaran atau perlesenan

Suatu kenyataan yang menyokong permohonan pendaftaran atau perlesenan premis dikeluarkan oleh Pegawai Kesihatan Daerah setelah pemeriksaan kesihatan persekitaran dilaksanakan ke atas premis pemohon.

4.0 SKOP

Pemeriksaan kesihatan persekitaran premis yang dilaksanakan oleh pegawai pemeriksa **HANYA** melibatkan aspek kesihatan persekitaran premis bagi tujuan sokongan pendaftaran atau perlesenan premis.

5.0 TERMA & SYARAT PERMOHONAN

5.1 Pemeriksaan premis hanya akan dilaksanakan oleh pasukan kesihatan sekiranya memenuhi **terma dan syarat** berikut:

- (a) permohonan daripada atau melalui agensi awam;
- (b) permohonan tidak bertindih dengan bidang kuasa agensi awam yang lain termasuklah akta-akta di bawah agensi berkenaan (Lampiran 6);
- (c) sokongan teknikal KKM meliputi aspek kesihatan persekitaran premis untuk tujuan pendaftaran atau perlesenan premis sahaja;
- (d) melibatkan premis yang berpotensi memberi risiko kesihatan persekitaran.

5.2 Tatacara ini tidak terpakai bagi premis yang tertakluk di bawah tatacara sedia ada (di bawah Kementerian ini) seperti:

- (a) Tatacara Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran Pusat Jagaan Harian (2011);
- (b) Lawatan Pemeriksaan oleh Pasukan Kesihatan Bagi Tujuan Kelulusan Sokongan Teknikal Kesihatan Pendaftaran TASKA (2011); dan
- (c) Tatacara Pemeriksaan Kesihatan Ke Atas Premis Bagi Sokongan Permohonan Perakuan Pendaftaran Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta (2011).

6. UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK

Undang-undang yang digunapakai oleh Kementerian ini sebagai rujukan semasa pemeriksaan dijalankan adalah seperti berikut:

- (a) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 432];
- (b) Akta Makanan 1983 [Akta 281] dan Peraturan-peraturannya;
- (c) Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 [Akta 154];
- (d) Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [P.U. (A) 324/2004]; dan
- (e) Akta-akta, Ordinan dan/atau Tatacara yang berkaitan

7. BUTIRAN BERKAITAN PEMERIKSAAN

- 7.1 Pemohon hendaklah mengemukakan **surat permohonan** untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan persekitaran bagi tujuan pendaftaran atau perlesenan premis kepada Pejabat Kesihatan Daerah bersama-sama **dokumen sokongan** yang lengkap (Sila rujuk senarai semak dokumen sokongan seperti di **Lampiran 8**).
- 7.2 Pegawai Kesihatan Daerah bertanggungjawab memastikan Pasukan Kesihatan melaksanakan pemeriksaan kesihatan persekitaran premis bagi tujuan sokongan pendaftaran atau perlesenan.
- 7.3 Sebelum menjalankan pemeriksaan kesihatan persekitaran ini, pegawai pemeriksa hendaklah merujuk **senarai semak persediaan** seperti di **Lampiran 2**.
- 7.4 Format **borang pemeriksaan** yang digunakan bagi tujuan pemeriksaan kesihatan persekitaran premis adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 7.5 Semasa pemeriksaan, Pasukan Kesihatan hendaklah memastikan pemeriksaan meliputi semua aspek utama borang iaitu:
 - (a) Bahagian I : Maklumat Am
 - (b) Bahagian II: Kawasan Persekitaran Premis
 - 1.0: Lokasi
 - 2.0: Risiko Kesihatan Persekitaran
 - (c) Bahagian III: Kawasan Premis
 - 3.0: Kemudahan Asas Bangunan
 - 4.0: Kemudahan Sanitari
 - 5.0: Potensi kehadiran Vektor dan Kacau Ganggu
 - 6.0: Aspek Kecemasan, Pertolongan Cemas, dan Larangan Merokok
 - (d) Bahagian IV: Status Kesihatan Persekitaran Premis
 - (e) Bahagian V: Ulasan Keseluruhan
- 7.6 **Semua proses kerja pemeriksaan kesihatan persekitaran bagi permohonan sokongan pendaftaran atau perlesenan premis ini perlu diselesaikan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat permohonan diterima oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).**

8. PASUKAN KESIHATAN

- 8.1 Pemeriksaan kesihatan persekitaran ini dilakukan oleh Pasukan Kesihatan yang terdiri daripada dua (2) anggota yang terdiri daripada PKP/PPKP dari Unit KPAS dan Unit yang berkaitan (sekiranya perlu) di Pejabat Kesihatan Daerah.
- 8.2 Penyelia perlu mengemukakan laporan pemeriksaan kepada Pegawai Kesihatan Daerah untuk ulasan dan perakuan permohonan.

9. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PASUKAN KESIHATAN

- (a) Menerima dan merekod permohonan yang diterima dari pemohon.
- (b) Menyemak status permohonan pemeriksaan kesihatan persekitaran bagi sokongan pendaftaran/ perlesenan premis. Surat status pemeriksaan akan dikeluarkan kepada pemohon seperti di **Lampiran 7**.
- (c) Menyemak dokumen sokongan yang diterima dari pemohon seperti di **Lampiran 8**.
- (d) Menetapkan dan memaklumkan tarikh pemeriksaan ini kepada pihak pemohon.
- (e) Membuat persediaan berdasarkan senarai semak pemeriksaan seperti di **Lampiran 2**.
- (f) Memeriksa premis mengikut format borang seperti di **Lampiran 1**.
- (g) Menyediakan dan mengemukakan laporan maklum balas pemeriksaan kepada Penyelia untuk disemak.
- (h) Menyediakan dan mengemukakan laporan pemeriksaan yang telah disemak kepada Pegawai Kesihatan Daerah untuk ulasan dan perakuan.
- (i) Mengemukakan surat perakuan dan cadangan penambahbaikan (sekiranya berkaitan) kepada Pemohon (Sila rujuk **Lampiran 3 dan Lampiran 4**).
- (j) Menyelenggara peralatan dan mengemaskini rekod/laporan pemeriksaan.

10. PROSES KERJA

Proses kerja pemeriksaan kesihatan persekitaran untuk sokongan pendaftaran atau perlesenan premis di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia terbahagi kepada tiga (3) peringkat pelaksanaan iaitu peringkat Ibu Pejabat KKM, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). Tanggungjawab setiap peringkat pelaksanaan adalah diterangkan seperti di dalam **Jadual 1** di bawah.

Jadual 1. Proses Kerja Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran untuk Sokongan Pendaftaran/ Perlesenan Premis dan Tanggungjawab di Setiap Peringkat Pelaksanaan.

Peringkat	Peranan	Tanggung jawab	Masa/Tempoh dilaksanakan
Ibu Pejabat, KKM	Sektor KPAS, KKM yang terdiri daripada Pakar Perubatan Kesihatan Awam (PPKA), Pegawai Perubatan, Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP), dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) perlu memantau pelaksanaan aktiviti pemeriksaan kesihatan persekitaran premis yang dilaksanakan oleh Unit KPAS JKN.		Setiap enam (6) bulan sekali
	1. Mengemaskini pangkalan data reten setiap enam (6) bulan aktiviti pemeriksaan kesihatan persekitaran premis yang dihantar oleh Unit KPAS, JKN. *Laporan hendaklah dipastikan diterima selewat-lewatnya pada 14hb Julai bulan berikutnya dan 14hb Januari tahun berikutnya. Sila rujuk Lampiran 5.1.	PPKP	
	2. Memantau dan menganalisa status kesihatan persekitaran premis. 3. Menghadiri mesyuarat inter-agensi yang berkaitan untuk membincangkan isu-isu	PPKA/PKP	

Peringkat	Peranan	Tanggung jawab	Masa/Tempoh dilaksanakan
	berbangkit aktiviti pemeriksaan kesihatan premis. 4. Mengesahkan data reten yang telah dikemaskini diperingkat Sektor KPAS, IPKKM		
Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)	1. Unit KPAS, JKN yang terdiri daripada PPKA/ Pegawai Perubatan, dan PKP/ PPKP perlu memantau pelaksanaan aktiviti pemeriksaan kesihatan persekitaran premis oleh PKP/ PPKP di peringkat daerah.		
	2. Merekodkan semua reten pemeriksaan kesihatan persekitaran premis yang dibuat oleh PKD di dalam pangkalan data negeri setiap suku tahun. *Reten (Sila rujuk Lampiran 5.1) hendaklah dipastikan diterima selewat-lewatnya pada 10hb bulan berikutnya.	PKP/ PPKP	Setiap suku tahun
	3. Menyediakan Reten Aktiviti Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran Premis Peringkat Negeri untuk dihantar ke Peringkat Sektor KPAS, KKM.	PKP/ PPKP	Setiap enam (6) bulan sekali
	4. Menyemak Reten Aktiviti Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran premis Peringkat Negeri	PKP/ PPKP (Penyelia)	Setiap enam (6) bulan sekali
	5. Mengesahkan reten berkenaan. Reten ini hendaklah dihantar setiap enam (6) bulan sekali ke Sektor KPAS, Ibu pejabat, KKM selewat-lewatnya 14hb bulan berikutnya.	PPKA	Setiap enam (6) bulan sekali
	6. Memastikan pangkalan data pemeriksaan kesihatan persekitaran premis peringkat	PKP/ PPKP	Sepanjang tahun


Peringkat	Peranan	Tanggung jawab	Masa/Tempoh dilaksanakan
	negeri dikemaskini dari semasa ke semasa.		
	7. Menghadiri mesyuarat inter-agensi yang berkaitan untuk membincangkan isu-isu berbangkit aktiviti pemeriksaan kesihatan premis.	PPKA/PKP/PPKP	Sepanjang tahun
Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)	1. Unit KPAS, PKD yang terdiri daripada Pegawai Kesihatan Daerah (PKD), dan PKP/ PPKP perlu memantau dan melaksanakan aktiviti pemeriksaan kesihatan persekitaran premis di peringkat daerah.		Dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat permohonan diterima oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dengan dokumen yang lengkap
	2. Menerima dan merekod permohonan yang diterima dari pemohon.	PKP/ PPKP	
	3. Menyemak status permohonan pemeriksaan kesihatan persekitaran bagi sokongan pendaftaran/ perlesenan premis. Sekiranya permohonan tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan, pemeriksaan tidak akan dijalankan ke atas premis. Surat status pemeriksaan akan dikeluarkan kepada pemohon seperti di Lampiran 7 .	PKD/ PKP/ PPKP	
	4. Sekiranya status permohonan pemeriksaan menepati syarat-syarat tatacara ini, PKD akan mengarahkan PKP/ PPKP untuk menjalankan pemeriksaan.	PKD/ PKP/ PPKP	
	5. Menyemak dokumen sokongan berkaitan premis yang diterima dari pemohon.	PKP/ PPKP	
	6. Merekod, menyediakan jadual pemeriksaan dan memaklumkan	PKP/ PPKP	

Peringkat	Peranan	Tanggung jawab	Masa/Tempoh dilaksanakan
	pemohon tarikh pemeriksaan yang akan dijalankan.		
	7. Membuat persediaan yang perlu berdasarkan senarai semak seperti di Lampiran 2 .	PPKP	
	8. Menjalankan pemeriksaan seperti yang dipersetujui oleh Pegawai Kesihatan Daerah menggunakan format borang seperti di Lampiran 1 .	PPKP	
	9. Menyediakan laporan pemeriksaan dan mengemukakan laporan kepada Penyelia untuk semakan.	PPKP	
	10. Menyemak dan memberi ulasan awal terhadap laporan yang disediakan dan mengemukakan laporan kepada Pegawai Kesihatan Daerah.	PKP/ PPKP (Penyelia)	
	11. Memberi ulasan keseluruhan dan mengesahkan laporan yang disediakan.	PKD	
	12. Mengeluarkan surat sokongan dan cadangan penambahbaikan kepada pihak premis seperti di Lampiran 3 dan 4 .	PKD	
	13. Simpan salinan laporan di Pejabat Kesihatan Daerah	PKP/ PPKP	
	14. Menyediakan dan menghantar reten pemeriksaan kesihatan persekitaran premis yang dibuat ke Unit KPAS JKN setiap suku tahun selewat-lewatnya pada	PKP/ PPKP	


Peringkat	Peranan	Tanggung jawab	Masa/Tempoh dilaksanakan
	10hb bulan berikutnya. Rujuk Lampiran 5.2.		

11. CARTA ALIR PEMERIKSAAN KESIHATAN PERSEKITARAN PREMIS BAGI SOKONGAN PENDAFTARAN/PERLESENAN


11.1 PERINGKAT PEJABAT KESIHATAN DAERAH



11.2 PERINGKAT PEJABAT KESIHATAN NEGERI



11.3 PERINGKAT IBU PEJABAT KKM



12. PELAPORAN & RETEN

Laporan pemeriksaan dan cadangan penambahbaikan hendaklah disediakan oleh pegawai yang melakukan pemeriksaan dan disemak oleh Penyelia. Laporan yang telah disemak perlu diulas selanjutnya oleh Pegawai Kesihatan Daerah. Surat perakuan akan dikeluarkan kepada pemohon setelah Pegawai Kesihatan Daerah berpuas hati terhadap laporan yang dikemukakan. Laporan asal hendaklah disimpan di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

Selanjutnya pihak PKD perlu menghantar reten kepada Unit KPAS, JKN sebagai rekod pelaksanaan pemeriksaan kesihatan persekitaran premis setiap tiga (3) bulan sekali selewat-lewatnya 10hb bulan berikutnya. Seterusnya, Unit KPAS JKN perlu mengemukakan Reten setiap enam (6) bulan sekali selewat-lewatnya pada 14hb bulan Julai dan Januari tahun berikutnya untuk pemantauan di peringkat Sektor KPAS, Ibu Pejabat, KKM.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**BORANG PEMERIKSAAN KESIHATAN PERSEKITARAN
BAGI SOKONGAN PENDAFTARAN/ PERLESENAN PREMIS**

Arahan

1. Laporan ini hendaklah disediakan oleh pegawai bertugas yang melakukan pemeriksaan kesihatan persekitaran di premis.
2. Aktiviti pemeriksaan ini tertakluk kepada permohonan pendaftaran/ perlesenan premis berdasarkan kehendak peruntukan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Makanan 1983 dan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, serta akta dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan.
3. Borang Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran Sokongan Pendaftaran/ Perlesenan Premis SPP/KPAS/KKM/1/2021 yang lengkap diisi hendaklah direkodkan dan disimpan oleh Pejabat Kesihatan Daerah yang menjalankan pemeriksaan.
4. Pejabat Kesihatan Daerah akan mengeluarkan surat sokongan sahaja kepada pemohon dan cadangan penambahbaikan (sekiranya berkaitan)

**SEKTOR KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR
CAWANGAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT
BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**BORANG PEMERIKSAAN KESIHATAN PERSEKITARAN
BAGI SOKONGAN PENDAFTARAN/ PERLESENAN PREMIS**

I MAKLUMAT AM

1 No. rujukan pendaftaran :

hh bb tttt

2 Tarikh Pemeriksaan:

--	--	--

3 Nama & Jawatan Pemeriksa:

1)

2)

4 Pemohon:

5 Nama Premis:

6 Kegunaan Premis(Nyatakan)

7 Nama Pemilik/Pengusaha Premis:

8 Alamat Premis :

9 No. Tel. Pemilik/Pengusaha:

Bimbit (HP):

Pejabat:

10 No. Faks:

11 Emel :

Sila tandakan (√) bagi maklumat yang berikut:

12 Status Permohonan

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Baru
Pembaharuan lesen

13 Status Premis

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Belum beroperasi
Telah beroperasi

14 Zoning kawasan premis

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Bandar
Luar Bandar

BIL	PERKARA/ ITEMS	SKOR		
		0 Tidak sesuai	1 Kurang sesuai	2 Sesuai
II	KAWASAN PERSEKITARAN PREMIS			
1.0	LOKASI			
1.1	Kawasan perindustrian			
1.2	Kawasan perladangan/pertanian			
1.3	Kawasan perumahan/institusi			
1.4	Kawasan hutan / semak samun			
1.5	Kawasan penternakan			
1.6	Kawasan tanah tinggi/cerun			
1.7	Kawasan tanah rendah / banjir			
1.8	Kawasan pelupusan air kumbahan <i>residential</i> /industri			
1.9	Kawasan pelupusan sampah (sisa pepejal)			
1.10	Kawasan Pelancongan/rekreasi			
1.11	Kawasan Lain-lain (Sila nyatakan:)			
	Jumlah Skor			
	Peratus Skor (10 %) (Nota: Sekiranya skor melibatkan perkara 1.11, <i>denominator</i> bagi peratus skor Bahagian ini akan bertambah menjadi 11. <i>Denominator</i> bagi peratus skor kekal 10 apabila tidak melibatkan perkara 1.11)			
2.0	RISIKO KESIHATAN PERSEKITARAN (20%)	0 Tidak	1	2 Ya
2.1	Tiada risiko wabak penyakit berjangkit			
2.2	Tiada kacau ganggu bunyi			
2.3	Tiada kacau gangguan bau			
2.4	Tiada gangguan pencemaran udara			
2.5	Tiada gangguan makhluk perosak & binatang liar			
	Jumlah Skor			

	Peratus Skor (20 %)			
--	----------------------------	--	--	--

BIL	PERKARA/ ITEMS	SKOR		
III	KAWASAN PREMIS			
3.0	KEMUDAHAN ASAS BANGUNAN	0 Tidak memuaskan	1 Kurang memuaskan	2 Memuaskan
3.1	Sistem saliran air limbah			
3.2	Sistem perparitan			
3.3	Sistem pelupusan pepejal			
3.4	Sistem kumbahan			
3.5	Struktur bangunan keseluruhan			
3.5.1	Lantai			
3.5.2	Dinding			
3.5.3	Siling			
3.5.4	Pengudaraan			
3.5.5	Pencahayaan			
3.5.6	Kelembapan			
3.6	Kepadatan Ruang premis			
	Jumlah Skor:			
	Peratus Skor (20 %)			
4.0	KEMUDAHAN SANITASI	0 Tidak memuaskan	1 Kurang memuaskan	2 Memuaskan
4.1	Bekalan air			
4.2	Tandas			
4.3	Urinal			
4.4	Sinki			

4.5	<i>Hygiene</i>			
	Jumlah Skor:			
	Peratus Skor (20 %)			

BIL	PERKARA/ ITEMS	SKOR		
		0 Ada	1 Ada potensi pembiakan	2 Tiada
5.0	POTENSI KEHADIRAN VEKTOR DAN KACAU GANGGU			
5.1	Pembiakan Nyamuk			
5.2	Lalat / <i>Flies control</i>			
5.3	Lipas / <i>Cockroaches Control</i>			
5.4	Tikus / <i>Rat Control.</i>			
5.5	Binatang Belaan			
5.6	Binatang liar			
5.7	Makhluk perosak			
	Jumlah Skor:			
	Peratus Skor (20 %)			
6.0	ASPEK KECEMASAN, PERTOLONGAN CEMAS & LARANGAN MEROKOK	0 Tiada	1	2 Ada
6.1	Peti Pertolongan Kecemasan			
6.2	Alat Pemadam Api			
6.3	Alat Pelengkap Pelindung Diri			
6.4	Laluan Kecemasan			
6.5	Mematuhi peraturan larangan merokok			
	Jumlah Skor			
	Peratus Skor (10 %)			
	MARKAH KESELURUHAN (100%) :			

IV	STATUS KESIHATAN PERSEKITARAN PREMIS	Tandakan (√) bagi yang berkenaan		
	Optima (90% - 100%)			
	Baik (>75% - <90%)			
	Memuaskan (50% - <75%)			
	Tidak memuaskan (<50%)			

7.0 Perakuan Pegawai Pemeriksa

Perkara	Catatan/Ulasan/Komen
Lokasi	
Risiko Kesihatan Persekitaran	
Kemudahan Asas Bangunan	
Kemudahan Sanitasi	
Potensi Kehadiran Vektor Dan Kacau Ganggu	
Aspek Kecemasan, Pertolongan Cemas & Larangan Merokok	
Lain-lain	

Ulasan Keseluruhan:

.....
.....
.....
.....

Disediakan oleh:

.....

Tandatangan Pegawai Pemeriksa

(NAMA :)

JAWATAN :

TARIKH :

Disemak oleh:

.....

Tandatangan Penyelia

(NAMA:)

JAWATAN:

TARIKH:

**SENARAI SEMAK
PROSEDUR PEMERIKSAAN KESIHATAN PERSEKITARAN
BAGI SOKONGAN PENDAFTARAN/ PERLESENAN PREMIS**

PERKARA	ADA	TIADA	TARIKH
Persediaan Awal (Di Pejabat)			
1. Menerima Dan Merekod Permohonan Yang Diterima			
2. Menentukan Tarikh Pemeriksaan Dan Menghubungi Pemohon			
3. Kemaskini Peralatan Pemeriksaan			
3.1 Kamera			
3.2 Alat GPS			
3.3 Mesin Kira			
3.4 Pita Pengukur			
3.5 Lux meter			
3.6 Sound level meter			
3.7 Disto meter			
3.8 Clip board			
3.9 Pen/Pensil			
3.10 Pemadam			
4. Menyediakan Borang Pemeriksaan			
4.1 Borang SPP/KPAS/KKM/1/2021			
4.2 Lain-lain Borang Yang Perlu Nyatakan :			
Dilapangan			
1. Menunjukkan Kad Perakuan Kuasa/ Kad Pengenalan Jabatan			
2. Membuat Pelan Lokasi (Jika Perlu)			
3. Membuat Pelan Lantai			
Selepas Pemeriksaan (Dipejabat)			
1. Sediakan Laporan Pemeriksaan			
2. Sediakan Ulasan Penambahbaikan (Jika Ada)			
3. Surat Sokongan Dikeluarkan			
4. Salinan Laporan Ke Jabatan Kesihatan Negeri			
5. Rekod Disimpan			

Rujukan Kami :
Rujukan Tuan :
Tarikh :

Alamat pemohon

Tuan/Puan,

Sokongan Permohonan Bagi Pendaftaran/ Perlesenan Premis

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat Tuan/Puan (**surat permohonan**) bertarikh (**tarikh surat**) adalah berkaitan.

2. Pihak kami telah menjalankan pemeriksaan terhadap premis Tuan/Puan pada (**tarikh pemeriksaan**) dan mendapati premis Tuan/Puan berada dalam keadaan Sangat baik/ Baik/ Memuaskan/ Tidak Memuaskan (**Sila gariskan pilihan yang berkenaan sahaja**).

3. Dengan ini, saya :

i. Menyokong permohonan tersebut sepenuhnya :

ii. Menyokong permohonan tersebut dengan syarat :
penambahbaikan dijalankan (**Rujuk Lampiran 4**)

iii. Tidak menyokong permohonan yang dibuat :
(Nyatakan :)

4. Diminta kerjasama Tuan/Puan selanjutnya bagi memastikan segala ulasan yang diberikan terutamanya penambahbaikan yang dicadangkan diberi perhatian sewajarnya. Dimaklumkan juga bahawa surat sokongan ini tidak boleh digunakan bagi tujuan pengiklanan oleh pemohon.

**“PENYAYANG, KERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISMA
ADALAH BUDAYA KERJA KITA”**

Saya yang menurut perintah,

**(Nama dan Nombor Pendaftaran MMC)
(Jawatan Pegawai Kesihatan Daerah)**

LAMPIRAN 4**BORANG CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KESIHATAN PERSEKITARAN PREMIS
BAGI SOKONGAN PENDAFTARAN/ PERLESENAN PREMIS**

No. Rujukan:

Nama premis:

Bil	Perkara	Ulasan Penambahbaikan
A	Lokasi	
B	Risiko Kesihatan Persekitaran	
C	Kemudahan Asas Bangunan	
D	Kemudahan Sanitari	
E	Potensi Kehadiran Vektor Dan Kacau Ganggu	
F	Aspek Kecemasan, Pertolongan Cemas & Larangan Merokok	
G	Lain-lain	

Diisi oleh pegawai pemeriksa**Disediakan oleh :****Disemak oleh :**

Nama:

Tempat bertugas :

Tarikh :

Nama:

Tempat Bertugas :

Tarikh :

RETEN PERMOHONAN PEMERIKSAAN KESIHATAN PERSEKITARAN
BAGI SOKONGAN PENDAFTARAN / PERLESENAN PREMIS

Negeri :

Tempoh:

Tahun:

Bil	Daerah	Bil. Premis diperiksa	Bil. Status Permohonan		Bil. Status Pemeriksaan		Bil. Status Keputusan		Bil. Status Sokongan Dikeluarkan		Catatan
			Baru	Pembaharuan	Belum Beroperasi	Sedang Beroperasi	Memuaskan	Tidak Memuaskan	<14 hari	>14 hari	
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
8											
9											
10											
11											
12											
13											
14											
	Jumlah										

Disediakan Oleh:
Nama
Jawatan
Tarikh

Disemak Oleh:
Nama
Jawatan
Tarikh

Disahkan Oleh:
Nama
Jawatan
Tarikh

**RETEN PERMOHONANPEMERIKSAAN KESIHATAN PERSEKITARAN
BAGI SOKONGAN PENDAFTARAN / PERLESENAN PREMIS**

Daerah :

Tempoh:

Tahun:

Bil.	Nama Premis	Sila tandakan "v" pada yang berkenaan								Catatan
		Status Permohonan		Status Pemeriksaan		Status Keputusan		Status Sokongan Dikeluarkan		
		Baru	Pembaharuan	Belum Beroperasi	Sedang Beroperasi	Memuaskan	Tidak Memuaskan	<14 hari	>14 hari	
1										
2										
3										
4										
5										
6										
7										
8										
9										
10										
11										
12										
13										
14										
	Jumlah (Bil.)									

Disediakan Oleh:

Nama
Jawatan
Tarikh:

Disemak Oleh:

Nama
Jawatan
Tarikh:

Disahkan oleh:

Nama:
Jawatan:
Tarikh:

LAMPIRAN 6

**SENARAI AGENSI AWAM YANG MENJALANKAN PEMERIKSAAN PREMIS
DI BAWAH BIDANG KUASA MASING-MASING**

BIL	PREMIS	AGENSI AWAM YANG BERTANGGUNGJAWAB	AKTA DIGUNAPAKAI
1	Kilang	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 - Akta Kilang dan Jentera (pindaan) 2006
2	Pusat Solekan/ Pusat Kecantikan	Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia	- Akta Racun 1952 dan Peraturan-Peraturannya - Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturannya - Akta Ubat (Iklan & Penjualannya) 1956
3	Dobi	Suruhanjaya Tenaga/ Pihak Berkuasa Tempatan	- Akta Bekalan Gas 1993 - Akta Kerajaan Tempatan 1976 - Local Authority Ordinance 1996 (Sarawak) - Local Government Ordinance 1961 (Sabah)
4	Kedai Arak/Liquor	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kastam	- Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 - Akta Kastam 1967
5	Kedai Jual Beli Emas	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	- Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011
6	Gym/ Pusat Kecergasan	Kementerian Belia dan Sukan	- Akta Pembangunan Sukan 1997
7	Burung Walit	Jabatan Veterinar	- Tatacara Pembangunan Industri Burung Walit Bersepadu
8	Pasar Mini	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	- Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 - Akta Kawalan Bekalan 1961 - Akta Timbang dan Sukat 1972

BIL	PREMIS	AGENSI AWAM YANG BERTANGGUNGJAWAB	AKTA DIGUNAPAKAI
9	Kedai Pemprosesan Ayam	Jabatan Veterinar Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia	- Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaaan) 1993 - Akta Makanan Haiwan 2009 - Akta Makanan 1983
10	Kedai Jual Baja/ Bahan Pertanian	Jabatan Pertanian	- Akta Racun Makhluk Perosak 1974
11	Pusat Rekreasi	Jabatan Perlancongan Jabatan Perhutanan	- Akta Industri Perlancongan 1992 - Akta Warisan Kebangsaan 2005 - Akta Perhutanan Negara 1984
12	Taman Tema <i>Indoor</i>	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
13	Tempat Perlombongan dan Penyimpanan Pasir	Jabatan Pengairan dan Saliran Jabatan Alam Sekitar	- Akta Air 1920 - Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
14	Kedai Jahit	Pihak Berkuasa Tempatan	- Akta Kerajaan Tempatan 1976 - Local Authority Ordinance 1996 (Sarawak) - Local Government Ordinance 1961 (Sabah)

LAMPIRAN 7

Rujukan Kami:
Rujukan Tuan:
Tarikh:

ALAMAT PEMOHON

Tuan/ Puan,

STATUS PERMOHONAN PEMERIKSAAN KESIHATAN PERSEKITARAN BAGI SOKONGAN PENDAFTARAN/ PERLESENAN PREMIS

Dengan segala hormatnya merujuk permohonan Tuan/Puan bil bertarikh

2. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan pemeriksaan kesihatan persekitaran bagi premis di bawah **tidak memerlukan** pemeriksaan kesihatan persekitaran sebaliknya ia terletak di bawah bidang kuasa (Sila sertakan nama Agensi berkaitan):

3. Kerjasama dan keprihatinan pihak Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(NAMA PEG. KESIHATAN DAERAH)
(NO. MMC:.....) (No. NSR)
Pakar Perubatan Kesihatan Awam GRED
Pegawai Kesihatan Daerah

s. k: 1. Fail KPAS

LAMPIRAN 8**SENARAI SEMAK PROSEDUR PERMOHONAN
PEMERIKSAAN KESIHATAN PERSEKITARAN BAGI SOKONGAN
PENDAFTARAN/PERLESENAN**

BIL	PERKARA	TANPAKAN (√)
1	Surat permohonan	
2	Dokumen permohonan	
3	Salinan pelan lantai premis	
4	Peta lokasi yang menggambarkan persekitaran dan premis-premis lain disekelilingnya	